

## NERACA KEFAHAMAN UMAT ISLAM TERHADAP HADITH RASULULLAH SAW DAN PENJELASANNYA

Amran Abdul Halim<sup>i</sup>, Amiruddin Mohd Sobali<sup>ii</sup>, Abdulloh Salaeh<sup>iii</sup>, Ahmad Kamel Mohamedi<sup>iv</sup>, Nidzamuddin Zakaria<sup>v</sup>, Walid Mohd Said<sup>vi</sup>, Mohammad Fahmi Abdul Hamid<sup>vii</sup>, Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>viii</sup>

<sup>i</sup>(Penulis koresponden) Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.  
Amranabdulhalim@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. amiruddin@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. abdulloh@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. kamel@usim.edu.my

<sup>v</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. nidzamuddin@usim.edu.my

<sup>vi</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. walid@usim.edu.my

<sup>vii</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Teknologi MARA, Melaka.  
fahmihamid@uitm.edu.my

<sup>viii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. syednajihuddin@usim.edu.my

### Abstrak

*Kedudukan hadith sebagai sumber kedua syariat Islam telah diakui oleh Al-Quran, hadith itu sendiri dan juga ulama-ulama Islam dari masa lalu hingga kini. Kepentingannya tidak dapat dinafikan tanpa hadis manusia yang tidak dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran Allah yang terkandung dalam Al-Quran. Perkembangan ilmu sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa dan tidak akan terhenti sehinggalah berlakunya hari kiamat. Manusia sentiasa memerlukan pengetahuan kerana dengan pengetahuan itu mereka akan menjadi lebih dekat satu sama lain dengan pencipta mereka. Oleh itu, penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti serta mengupas isu-isu salah faham hadith yang mengelirukan masyarakat di Malaysia. Penulis cuba meneliti dan menganalisis isu-isu tersebut melalui media sosial seperti artikel, laporan akhbar Malaysia dan lain-lain yang berkaitan isu-isu salah faham hadith di Malaysia. Antara sebab berlakunya kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap hadith ialah dengan berkembangnya teknologi, masyarakat mendapat dan mentafsir maklumat mengenai hadith tanpa merujuk ahli agama, menggunakan logik akal dalam penafsiran hadis, memahami hadis tanpa mengambil kira maqasid, salah faham terhadap pendekatan kontekstual dan lain-lain. Hasil dari penulisan ini diharap dapat membantu penyelidik khususnya serta umat Islam amnya dalam memahami hadith-hadith Rasulullah SAW dengan baik tanpa ada sebarang kekeliruan dan seterusnya masyarakat Islam tidak lagi terjebak dengan kekeliruan yang boleh memesongkan akidah mereka dan seterusnya dapat beramal dengan baik bertepatan dengan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.*

*Kata Kunci: Sunnah, media massa, anti hadith, Islam Liberal.*

### PENGENALAN

Sunnah Nabawiyah atau hadith adalah sumber rujukan kedua yang utama dalam Islam. Hal ini kerana sumber berkenaan telah dinyatakan melalui, al-Quran dan

hadith malah sarjana Muslim juga turut bersepakat bahawa hadis Nabi berkenaan memainkan peranan penting dalam proses penetapan sesuatu hukum. Peranannya adalah sebagaimana penggunaan al-Quran dalam penentuan hukum hakam syariat Islam. Tetapi disebabkan faktor-faktor yang tertentu kesucian hadith telah diancam dan perkara tersebut telah mengakibatkan hadith yang wujud pada hari ini menjadi pelbagai status yang mana terdapat hadith yang sahih, hasan, dha'if, dan yang palsu. Oleh itu, tidak semua perkara yang berkaitan dengan hadith atau sunnah semestinya betul kerana boleh jadi sumber yang digunakan tidak boleh digunakan sebagai hujah atau keterangan (Mohd Farhan Md Ariffin, 2016).

Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah dan hambaNya di muka bumi ini. Tugas sebagai khalifah untuk mentadbir bumi dibekalkan dengan al-Quran dan Al-Hadith sebagai panduan. Ianya adalah di antara nikmat terbesar yang dikurniakan Allah s.w.t kepada umat ini iaitu menerima harta pusaka Rasulullah s.a.w, wahyu al-Qur'an dan al-hadith yang menjamin daripada kesesatan selagi kita berpegang teguh dengan kedua-duanya. Hadis-hadis telah diterima dan dijaga oleh para sahabat seterusnya sampai kepada kita hari ini. Para ulama telah menulis dan membukukan hadis dengan pelbagai metod yang membuktikan kepada kita bahawa mereka sudah pun memiliki metodologi dalam kajian dan penulisan mereka.

Kedudukan hadith sebagai sumber kedua syariat Islam telah diakui oleh Al-Quran, hadith itu sendiri dan juga ulama-ulama Islam dari masa lalu hingga kini. Kepentingannya tidak dapat dinafikan tanpa hadis manusia yang tidak dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran Allah yang terkandung dalam Al-Quran. Perkembangan ilmu sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa dan tidak akan terhenti sehinggalah berlakunya hari kiamat. Manusia sentiasa memerlukan pengetahuan kerana dengan pengetahuan itu mereka akan menjadi lebih dekat satu sama lain dengan pencipta mereka.

Menurut Imam Ahmad Ibn Hanbal *al-Sunnah* atau hadith adalah merupakan tafsiran, penerangan atau huraian maksud bagi ayat-ayat al-Qur'an (Abu Syahbah, 1991). Segala kesamaran, sama ada yang umum dan sebagainya, atau segala maksud yang tersirat yang susah difahami oleh umat Islam, maka *al-Sunnah* yang akan mengkhusus dan menjelaskan dengan lebih terperinci. Oleh yang demikian umat Islam tidak dapat melaksanakan ajaran Islam dengan sempurna seandainya tidak berpandukan kepada *al-Sunnah*. Seandainya al-Qur'an tidak memerlukan penjelasan dari hadith-hadith atau *al-Sunnah*, bagaimanakah cara-cara untuk kita mengerjakan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan lain-lain, walaupun kesemua perkara tersebut dinyatakan dalam al-Qur'an?

Terdapat dalil atau bukti yang menunjukkan al-Qur'an memerlukan pentafsiran, penjelasan atau penerangan dari Rasul Allah SAW iaitu sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: "Kami turunkan kepada kamu al-Qur'an, agar kamu menjelaskan kepada umat manusia terhadap apa yang diturunkan kepada mereka agar mereka berfikir".

Surah al-Nahl: 44

Penjelasan dan penerangan Rasul Allah SAW adalah dengan perkataan, perbuatan atau *taqrir* (persetujuan) Baginda SAW terhadap perkataan dan perbuatan para sahabat, yang mana semuanya ini adalah diistilahkan dengan *al-Sunnah* atau hadith.

*Al-Sunnah* adalah merupakan wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril AS. Sebahagiannya melalui ilham kepada Nabi SAW, dan ada juga yang merupakan ijtihad Nabi SAW hasil pengetahuan baginda dalam ilmu al-Qur'an, kaedah-kaedah syariat dan lain-lain kelebihan yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad SAW (Amran, 2007).

Oleh yang demikian, semua masyarakat Islam yang dianggap sebaik-baik umat, iaitu umat Nabi Muhammad SAW, tanpa mengira bangsa, keturunan, pangkat atau warna kulit, diseru supaya patuh dan taat terhadap apa-apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, sama ada *al-Sunnah* itu merupakan wahyu ataupun ijtihad Nabi SAW, sebagaimana yang dapat difahami dari maksud firman Allah S.W.T.:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ، إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya: "Dan dia (Muhammad) tidaklah memperkatakan melalui hawa nafsu semata-mata, melainkan ia adalah wahyu yang diutuskan kepadanya".

Surah al-Najm (53): 3-4

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: "Segala apa yang dibatwa oleh Rasul hendaklah kamu ambil, dan segala yang dilarang olehnya maka hendaklah kamu jauhinya".

Surah al-Hasyr (59): 7

Ayat di atas berkaitan dengan kewajipan menerima segala syariat dan sunnah yang disampaikan oleh Rasul Allah SAW dan larangannya ialah menjauhi segala tegahan atau apa-apa yang tidak disyariatkan oleh Rasul Allah SAW.

Pemahaman tentang ilmu hadith adalah penting untuk menghasilkan penafsiran yang betul mengenai hadith. Menurut Ibnu Qayyim dalam kitab al-Ruh menjelaskan bahawa umat Islam seharusnya memahami dari Nabi SAW apa yang di maksudkannya tanpa melampaui dan mengurangkan dan jangan sekali-kali memahami ucapan Nabi SAW dengan kefahaman yang tidak boleh dipertanggungjawabkan dan jangan mengurangi daripada maksudnya dan daripada apa yang dikehendaki oleh Rasulullah SAW daripada petunjuk dan penjelasan.

### **Isu-Isu Salah Faham Hadith Di Malaysia**

Pemahaman tentang ilmu hadith adalah penting untuk menghasilkan penafsiran yang betul mengenai hadith. Menurut Ibnu Qayyim dalam kitab al-Ruh menjelaskan bahawa umat Islam seharusnya memahami dari Nabi SAW apa yang di maksudkannya tanpa melampaui dan mengurangkan dan jangan sekali-kali memahami ucapan Nabi SAW dengan kefahaman yang tidak boleh dipertanggungjawabkan dan jangan mengurangi daripada maksudnya dan daripada apa yang dikehendaki oleh Rasulullah SAW daripada petunjuk dan penjelasan.

Menurut Yusuf Al-Qardawi (2006), terdapat lapan disiplin yang diperlukan untuk memahami suatu hadis. Antaranya ialah, memahami hadis berdasarkan al-Quran, menghimpunkan hadis yang berkaitan dalam satu tajuk, mentarjihkan hadis yang kelihatan bercanggah, memahami hadis berdasarkan asbab al-wurud, membezakan wasilah yang berubah dan tujuan yang tetap, memisahkan perkara yang hakiki dan simbolik, memahami antara yang ghaib dan nyata serta memastikan makna sebenar bagi lafaz hadis.

### **Salah Faham Tentang Hadith Kelebihan Membaca Surah Al-Ikhlas**

Belajar hadis perlu berguru kerana ada hadis tidak boleh ditafsir secara langsung atau mempunyai penjelasan lain, bukan seperti maksud difahami orang awam daripada teks hadis itu. Contohnya hadis mengenai membaca surah al-Ahad atau al-Ikhlas menyamai membaca satu pertiga daripada al-Quran yang ramai membaca secara zahir dan terus berasakan sudah memahami maksudnya.

Perkataan 'menyamai' itu ada kala akan dihuraikan dengan lebih mendalam seperti apakah maksudnya isi kandungan surah atau pahala membacanya hingga ada beranggapan membaca surah al-Ahad sahaja sudah memadai. Malah, ada yang tidak mahu membaca al-Quran kerana katanya cukup membaca surah al-Ahad sebanyak

tiga kali. Pandangan ulama yg lebih benar tentang hadis membaca surah al-Ikhlas menyamai 1/3 al-Quran adalah yg menyatakan surah al-Ikhlas merangkumkan 1/3 dari bahagian al-Quran. Ini kerana al-Quran diturunkan dalam 3 bahagian:

1. 1/3 tentang hukum-hakam.
2. 1/3 tentang janji syurga dan ancaman siksa neraka.
3. 1/3 tentang asmaa' dan sifat.

Maka surah al-Ikhlas menghimpunkan bahagian asmaa' dan sifat Allah SWT. Inilah pandangan Abi al-Abbas bin Suraij. Sememangnya terdapat hadis tentang kelebihan surah al-Ikhlas. Antaranya seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abi Sa'ied bahawa ada seorang lelaki mendengar seorang lelaki lain membaca surah al-Ikhlas dan mengulang-ulangnya. Apabila subuh dia datang kepada Rasulullah SAW menceritakan hal lelaki tadi, seperti memandang kecil apa yg lelaki itu baca dan ulang-ulangkan. Maka sabda Rasulullah SAW:

"Demi jiwaku yang berada di dalam genggamannya, sesungguhnya surah al-Ikhlas itu menyamai 1/3 al-Quran."

Yang dimaksudkan surah al-Ikhlas menyamai 1/3 al-Quran di sini ialah dari sudut pahala membacanya. Bukan bermaksud menyamai membaca 1/3 al-Quran. Oleh itu, belajar hadis perlu berguru kerana ada hadis yang tidak boleh difahami secara langsung atau kita faham sesuatu maksud, tetapi maksud sebenarnya lain<sup>1</sup>.

### **Salah Faham Doa Rasulullah SAW yang ingin Hidup dan Mati dalam Keadaan Miskin**

Hadis tersebut bermaksud,

*"Ya Allah, hidupkanlah aku sebagai seorang yang miskin dan matikanlah aku sebagai seorang yang miskin dan himpulkanlah aku (selepas bangkit daripada mati) bersama dengan golongan yang miskin di hari kiamat"*

(HR Tirmizi)

Golongan yang tidak memahami sunnah akan berkata bahawa kemiskinan adalah sunnah yang perlu diikuti oleh orang Islam. Hakikatnya sunnah dalam Islam bukanlah kehidupan yang miskin. Hal ini kerana, Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud,

---

<sup>1</sup> <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/10/617439/pelajari-hadis-perlu-berguru-elak-salah-tafsir>. Oktober 14, 2019 @ 12:47pm.

*"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kekufuran dan kefakiran."*

(HR Ahmad, Abu Daud dan Nasaie)

Menurut Emran (2010), Rasulullah meminta dijauhkan daripada kefakiran sama seperti baginda meminta dijauhkan daripada kekufuran. Hal ini dijelaskan oleh ulama bahawa yang dimaksudkan fakir bukanlah galakan untuk menjadi miskin. Sebaliknya kefakiran itu merujuk kepada kerendahan diri dan tidak sombong. Imam Ibn Asir berkata, yang dikehendaki oleh hadis tersebut ialah tawadhuk dan kerendahan hati agar tidak menjadi sombong dan takabur. Ini diperkuatkan lagi oleh maksud miskin yang disebut dalam Lisan Al-Arab oleh Ibn Manzur bahawa miskin itu bermaksud tunduk dan merendah diri.

Islam menggalakkan umatnya supaya mencari harta yang halal untuk memenuhi keperluan harian sebagai seorang manusia. Tidaklah logik sekiranya Rasulullah SAW menyuruh umatnya untuk menjadi miskin seperti yang dikatakan tadi. Oleh itu, untuk memahami sesuatu hadis, perlulah dikaji dengan teliti untuk mendapatkan maklumat yang sahih tentang sesuatu hadis agar tidak salah faham apa yang disampaikan oleh Rasulullah.

## Bacaan Surah Al-Qadr Tujuh Kali Di Tanah Kubur Supaya Mayat Tidak Diazab

Rajah 4.2: Artikel membaca surah al-Qadr sebanyak tujuh kali untuk mengelakkan mayat diazab.

MATAN ▾ ARTIKEL ▾ SUMBER ▾ FALAK ▾ HUBUNGI KAMI ▾

**IRSYAD AL-FATWA KE-121: TANAH KUBUR DIBACAKAN SURAH AL-QADR 7 KALI**

Butiran  
Diterbitkan: 14 Julai 2016

[Irsyad Fatwa](#) [Irsyad Fatwa Umum](#)

**IRSYAD AL-FATWA** الإرشاد الفتوى

**TANAH KUBUR YANG DIBACAKAN SURAH AL-QADR SEBANYAK 7 KALI #121**

Soalan:

Assalamualaikum Sahibus Samahah Dr Zulkifli, Ketika ini agak hangat dibincangkan tentang hadith tanah kubur yang dibacakan surah al-qadr dapat melepaskan seksa kubur. Satu pihak mengatakan bahawa hadith ini palsu tidak diriwayatkan dalam kitab-kitab hadith muktabar maka amalan ini tidak sahih dan satu lagi pihak menyatakan ia disebut dalam kitab-kitab mazhab Syafie maka hendaklah kita bersangka baik. Apakah jalan penyelesaian yang mendamaikan dalam hal ini? Terima kasih.

Sumber: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016)<sup>2</sup>.

<sup>2</sup> <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1312-irsyad-al-fatwa-ke-121-tanah-kubur-dibacakan-surah-al-qadr-7-kali>

Antara hadith palsu yang tersebar dalam kalangan umat Islam di Malaysia ialah berkenaan isu mengambil tanah di kubur lalu membacakan surah al-Qadr kepadanya sebanyak tujuh kali maka mayat tersebut tidak akan diazab di dalam kuburnya. Hal ini berpunca dari Syeikh Taqiyuddin al-Alawi yang telah menjumpai penulisan ayahnya bahawa al-Faqih Muhammad Abu Abdillah al-Hafiz mengatakan Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang mengambil tanah kubur dengan tangannya ketika pengebumian iaitu ketika dia hendak menguburkan mayat lalu dia membaca surah al-Qadr sebanyak tujuh kali dan dia meletakkannya bersama-sama dengan mayat pada kafannya ataupun pada kuburnya nescaya si mati tidak akan di azab di dalam kubur."*

Pejabat Mufti(2016) telah mengeluarkan kenyataan bahawa tiada sanad di antara Syeikh Abu Abdillah al-Hafiz sehingga kepada Rasulullah SAW. Penelitian mereka juga mendapati tiada sanad lengkap bagi hadith tersebut dan menyatakan bahawa hukum atau status hadith tersebut tiada asal baginya dan kita tidak boleh sama sekali menyandarkan kepada Nabi Muhammad SAW atau menyebarkannya kepada orang lain (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016).

### **Salah Faham Tentang Hadith Habbatus Sauda' Penawar Penyakit**

Gaya hidup masyarakat Muslim banyak didorong oleh sunnah Nabi SAW seperti dalam aspek penjagaan kesihatan. Rujukan kepada sunnah baginda SAW dalam perkara merawat penyakit kerana di samping dapat meraih pahala, ia turut membawa manfaat kesihatan. Umpamanya di Malaysia sekarang kita akan mendapati terdapat banyak iklan-iklan atau brosur sama ada dalam kertas atau internet, dalam *whatsapps* atau *facebook*, blog-blog dan lain-lain yang menjelaskan tentang kelebihan makanan berikut antaranya habbatus sauda', madu asli, jus delima, buah tin atau jus, buah kurma, kismis minda dan lain-lain untuk menarik minat orang ramai dan untuk melariskan jualan tersebut.

Salah satu sunnah yang biasa dirujuk oleh masyarakat Muslim apabila mengalami masalah kesihatan ialah sunnah berkaitan habbatus sauda'. Maksud hadis berkaitan yang berbunyi: "Pada habbatus sauda itu ada penawar bagi segala penyakit kecuali mati<sup>3</sup>. Namun, kefahaman terhadap hadis tersebut perlulah melalui kaedah yang betul. Salah faham berlaku apabila masyarakat memahami secara literal terhadap terjemahan hadis. Berlaku salah faham berhubung ungkapan "penawar segala penyakit" yang digunakan dalam hadis berkenaan sehingga masyarakat

---

<sup>3</sup> Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Tibb, hadis 5688; dan Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Salam, hadis 2215.

beranggapan bahawa habbatus sauda' pengubat kepada segala penyakit kecuali mati (Mohamad Mustaqim: 2019).

Hal ini menjadi lebih buruk apabila wujud pihak berkepentingan menggunakan kefahaman yang tidak tepat ini untuk melariskan penjualan habbatus sauda' dengan hujah produk kesihatan yang mengandungi habbatus sauda' berupaya mengubati segala penyakit. Adalah penting untuk sekurang-kurangnya merujuk huraian tentang sesuatu hadis yang ditulis oleh alim ulama. Hal ini kerana keupayaan masyarakat awam untuk mentafsir sesuatu hadis dengan ruang lingkup ilmu yang dimiliki adalah terhad.

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani dalam *Kitab Fathul Bari, Syarah Sahih Bukhari* bahawa Imam al-Khattabi menerangkan ungkapan "penawar segala penyakit" merupakan lafaz umum yang membawa maksud yang khusus. Penggunaan maksud yang khusus adalah tepat kerana menurut Imam al-Khattabi tidak ada satu pun tumbuhan yang diciptakan oleh Allah SWT di dunia ini yang terkumpul di dalamnya semua manfaat bagi tujuan perubatan (Ibn Hajar al-'Asqalani, 1997).

Maksud penyakit yang sesuai diubati dengannya itu bermaksud bahawa habbatus sauda' secara khususnya sesuai untuk mengubati penyakit-penyakit yang timbul kerana cuaca sejuk dan tidak berkesan untuk penyakit-penyakit yang timbul disebabkan cuaca panas. Meskipun banyak manfaatnya, masyarakat awam tidak boleh mengambil kefahaman bahawa habbatus sauda' adalah ubat kepada segala macam penyakit di dunia ini secara literal kerana ia adalah kefahaman yang tidak tepat.

## PENUTUP

Berdasarkan penulisan ini juga dapatlah disimpulkan bahawa pengajian hadis dalam kalangan masyarakat adalah amat penting dan tidak boleh diabaikan. Kita tidak boleh memandang ringan berkenaan hal ini kerana kesalahan dalam memahami hadis akan mengakibatkan kita terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar dan semakin jauh daripada sunnah Rasulullah SAW. Kesemua salah faham tersebut dapat diperbetulkan dengan pendedahan ilmu hadith yang perlu diambil berat oleh seluruh lapisan masyarakat.

Penulisan di atas hanya sebahagian sahaja dari salah faham masyarakat terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW. Banyak lagi isu-isu lain yang tidak dijelaskan di sini berkenaan perkara tersebut disebabkan keterbatasan kajian seperti kelebihan membaca Surah al-Ikhlâs, Salah Faham Doa Rasulullah yang ingin hidup dan mati dalam keadaan miskin, bacaan surah al-qadr sebanyak 7 kali pada tanah kubur supaya mayat tidak diazab, salah faham tentang hadith habbatus sauda'

penawar penyakit dan lain-lain. Adalah amat diharapkan dari hasil penulisan ini, dapat menjadi rujukan untuk umat Islam bagi merungkai dan menyelesaikan segala kesilapfahaman masyarakat terhadap beberapa isu sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

## RUJUKAN

- Al-Syatibi, Ibrahim ibn. Musa, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.
- Asnawi Haji Ehsan, 2003, Ilmu Hadis: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 157
- Ahmad Sanusi Azmi, Zulhilmi Mohamed Nor, Mohd Norzi Nasir, (2017) *Kekeliruan Dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- 'Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Makanatuha fi al-Tasyri'*. T.t. dan t.t.p.
- 'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987.
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath, *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t.
- Abu Syahbah Muhammad ibn Muhammad, *Difa' 'an al-Sunnah* (Beirut: Dar al-Jil, 1991), 13.
- Ahmad, K., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. F. (2015). *Salah Faham Terhadap Istilah "Makanan Sunnah" dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis*. Universiti Malaya: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammd ibn Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.
- Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan bid'ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 2.
- Faisal Ahmad Shah Mohamad, Hasbullah Salim (2008), Pengaruh Sahih al-Bukhari dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis dari Aspek Pengajaran, Penulisan dan Penterjemahan, *Jurnal Perspektif* Jil. 2 Bil. 2 (1-17) ISSN 1985 - 496X.
- Hasliza Hassan (2019), *Pelajari Hadis Perlu Berguru Elak Salah Tafsir*, Rencana Agama, Berita Harian, 14 Oktober 2019
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, c. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, 1994.
- Ibn Rajab al-Hanbali, 'Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din ibn Ahmad ibn Rajab al-Hanbali, *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*. Beirut: Dar al-Khayr, 1993.

- Mohammad Mustaqim bin Malek (2019), *Habbatus Sauda' Penawar Penyakit?*, Utusan Malaysia, 15 Julai 2019.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj, "Sahih Muslim," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), *Irsyad Al-Qari': Bi Syarhi Mukhtasar Sahih Al-Bukhari*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2019), *Bayan Linnas Siri Ke-165: Lalat Dalam Al-Quran Dan Al-Hadith: Amthal, Kajian Sainifik Dan Jawapan Terhadap Salah Faham*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Malaysia.  
<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3083-bayan-linnas-siri-ke-165-lalat-dalam-al-quran-dan-al-hadith-amthal-kajian-saintifik-dan-jawapan-terhadap-salah-faham>